

# **Kaedah Pengajaran Pedagogi Terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun**

## *Different Instruction teaching methods in the context of learning style and justice to pupils: The thoughts of Imam Ibn Sahnun*

**Zurina Mustaffa** (Corresponding author)

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

E-mail: zurinamustaffa2020@gmail.com

**Zaharah Hussin**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

E-mail: zaharah@um.edu.my

**Abdul Muhsien Sulaiman**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

E-mail: muhsein.sulaiman@um.edu.my

### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan tentang pendekatan pengajaran yang baharu yang sesuai dengan pendidikan terkini yang memfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza atau dikenali *Differentiated Instruction* ini selari dengan pemikiran Imam Ibn Sahnun tentang kepentingan pengajaran guru yang memfokuskan kepada gaya belajar murid dan keadilan kepada semua murid tanpa mengira tahap kebolehan dan keupayaan mereka di dalam bilik darjah. Pendekatan ini merupakan suatu anjakan paradigma yang bersesuaian dalam menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memenuhi objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu merapatkan jurang pencapaian dalam kalangan murid-murid serta harapan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam surat siaran bilangan 14 Tahun 2018 yang menyatakan penilaian guru kepada murid-murid adalah secara holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pengkaji berpandangan Pedagogi Terbeza (*Differentiated Instruction*) merupakan kaedah pengajaran yang relevan dan sesuai digunakan dalam pengajaran kerana mempunyai aspek pengajaran yang melibatkan semua murid secara menyeluruh tanpa membezakan murid sama ada murid tersebut mempunyai tahap penguasaan pembelajaran yang cemerlang, sederhana atau lemah. Artikel ini memberi fokus kepada falsafah Pedagogi Terbeza yang menekankan terhadap gaya belajar murid dan juga pemikiran Imam Ibn Sahnun yang menekankan kepada pengajaran guru yang

seharusnya memberi keadilan kepada semua murid tanpa mengira latar belakang murid dan sebagainya dan seharusnya kaedah pengajaran Pedagogi Terbeza (*Differentiated Instruction*) sangat bersesuaian digunakan dalam pengajaran kepada murid yang pelbagai.

**Kata Kunci:** Pedagogi Terbeza, pengajaran, gaya belajar, keadilan kepada pelajar, Imam Ibn Sahnun

### **Abstract**

*This article discusses a new teaching approach that is in line with the latest education that focuses on student -centered learning. This approach to teaching Differentiated Instruction is in line with Imam Ibn Sahnun's thinking on the importance of teacher teaching that focuses on student learning style and justice to all students regardless of their level of ability and capability in the classroom. This approach is an appropriate paradigm shift in responding to the call of the Ministry of Education Malaysia in fulfilling the objectives of the Malaysian Education Development Plan 2013-2025 which is to close the achievement gap among students and the expectations of the Ministry of Education Malaysia in the release letter number 14 of 2018 which states teacher evaluation to pupils are holistic (Ministry of Education Malaysia, 2018). Differentiated Instruction is a relevant teaching method and suitable for use in teaching because it has a teaching aspect that involves all*

*students without differentiating between students whether the students have excellent, moderate, or poor level of learning mastery. This article focuses on the philosophy of Differentiated Instruction which emphasizes on the learning style of students and also the thinking of Imam Ibn Sahnun who emphasizes on the teaching of teachers who should give justice to all students regardless of the background of students and so on and should be the method of teaching Differentiated Instruction very appropriately used in teaching to diverse pupils.*

**Keywords:** *Differentiated Instruction, teaching, learning style, accommodating students, Imam Ibn Sahnun*

### **Pengenalan**

Pendidikan masa kini telah memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa sistem peperiksaan bukan merupakan suatu sistem utama yang dapat mengukur kebolehan dan keupayaan murid secara holistik kerana murid mempunyai kepelbagaian dalam potensi dan bakat. Menurut Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, Zalizan Mohd Jelas dan Ahmad Ali Seman (2010) kepelbagaian murid merangkumi kepelbagaian dari segi tempat tinggal murid yang berbeza, budaya berbeza, latar belakang murid yang berbeza dan juga berbeza jantina, hal ini selari dengan pandangan (Wu, 2013) yang menyatakan kepelbagaian murid melibatkan kesediaan murid untuk belajar, minat murid terhadap pelajaran dan profil pembelajaran murid. Profil pembelajaran murid sangat penting kerana melalui profil pembelajaran, guru bersiap siaga dalam merancang pengajaran supaya dapat difahami oleh murid yang pelbagai, profil pembelajaran menurut Tomlinson (2017) iaitu gaya belajar murid, kecerdasan murid, jantina dan budaya yang diamalkan oleh murid.

Dalam kertas konsep ini, pengkaji membincangkan salah satu aspek dari profil pembelajaran iaitu gaya belajar murid. Gaya belajar murid yang pelbagai menyukarkan guru dalam pengajaran dan memberi tumpuan yang berfokus kepada murid di dalam bilik darjah semestinya menjadi tanggungjawab yang besar kepada guru dalam memastikan kesemua murid dapat menguasai pengajaran tanpa ada murid tercicir dalam penguasaan kemahiran yang diajar di bilik darjah. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi satu keperluan kepada kaedah pengajaran yang baharu yang diperkenalkan

kepada guru dalam membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk murid yang pelbagai di dalam bilik darjah. Oleh itu, kaedah pengajaran menggunakan Pedagogi Terbeza (*Differentiated Instruction*) sangat sesuai diimplementasikan di bilik darjah memandangkan pedagogi ini merupakan pedagogi yang mudah lentur, fleksibel dan relevan untuk digunakan oleh guru dalam mengubah suai kandungan iaitu isi pelajaran dan proses pengajaran di mana melibatkan kaedah pengajaran guru dan aktiviti pembelajaran yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan pedagogi ini memberi keadilan kepada semua murid tanpa mengira profil pembelajaran mereka yang pelbagai (Abd. Khahar bin Saprani, Hapsah Majid, Zanariah Ibrahim dan Lokman abd Wahid, 2018). Pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza sesuai dengan pemikiran Imam Ibn Sahnun dalam kitab *Adab al-Muallimin* (Adab para guru) yang memfokuskan kepada kaedah-kaedah pengajaran yang bersesuaian dan juga menitik beratkan kepada keadilan kepada semua murid walaupun latar belakang, sosioekonomi dan kebolehan dan keupayaan murid berbeza (Mohammad Syafiq Ismail, 2020). Oleh itu pengkaji membincangkan tentang Pedagogi Terbeza dalam gaya belajar murid dan hubungan dengan keadilan kepada semua murid dalam konteks pemikiran Imam Ibn Sahnun yang sesuai dijadikan kaedah pengajaran guru.

### **Senario perkembangan Pedagogi Terbeza**

Menurut (Tomlinson, 1999) yang telah merintis Pedagogi Terbeza (*Differentiated Instruction*) di United States of America (USA) pada tahun 1995, melalui Pedagogi Terbeza beliau telah mementingkan empat elemen utama dalam pengajaran yang boleh diubahsuai mengikut kepelbagaian murid iaitu aspek kandungan (isi pelajaran), proses (proses pengajaran serta aktiviti-aktiviti pembelajaran), produk (hasil daripada penguasaan kemahiran murid yang ditonjolkan mengikut kebolehan masing-masing) dan persekitaran (keadaan persekitaran bilik darjah yang kondusif). Pengubahsuaian ini melibatkan salah satu elemen atau keempat-empat elemen kandungan, proses, produk dan persekitaran dan guru mengubahsuai elemen-elemen ini mengikut kesediaan belajar murid, minat murid terhadap isi pelajaran dan profil pembelajaran (Tomlinson dan B.Imbeau, 2014). Menurut Gibson dan Hasbrouck (2009), Pedagogi Terbeza adalah guru mengajar secara kreatif dengan mengubah cara pengajaran,

aktiviti-aktiviti pembelajaran yang digunakan dalam proses pembelajaran yang menarik minat murid untuk meneroka dan memahami isi pelajaran dan mengubah corak pengajaran yang konvensional kepada corak yang canggih dan kaya maklumat dan pembelajaran berfokus kepada murid. Pedagogi Terbeza merupakan salah satu kaedah pengajaran alternatif yang memberi peluang kepada murid belajar mengikut kepelbagaian yang dimiliki mereka dan guru merancang pengajaran mengikut kepelbagaian murid. Oleh itu, Pedagogi Terbeza merupakan kaedah pengajaran yang baharu dan penting untuk diimplementasikan dalam pengajaran, terdapat banyak negara yang telah mengimplementasikan Pedagogi Terbeza dalam pendidikan. *United States of Amerika* (USA) merupakan negara yang menggunakan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran seperti dalam kajian (Bondie, Dahnke dan Zusho, 2019; Brevik, Gunnulfsen dan Renzulli, 2018; Gregory & Chapman, 2013). Dalam dapatan kajian Brevik et al. (2018) menyatakan keperluan terhadap pembezaan untuk mencapai prestasi pelajar yang tinggi dan cemerlang, murid mempunyai potensi yang tinggi dalam pembelajaran dan mereka diberi pilihan untuk belajar secara individu atau bekerjasama dengan orang lain namun pilihan murid untuk belajar secara individu memberi kerisauan kepada guru kerana kurangnya sistem kolaborasi antara murid berlaku dan akan memberi kesan yang negatif kepada sistem pembelajaran.

Selain *United States of Amerika* (USA) terdapat juga negara-negara lain yang telah melaksanakan Pedagogi Terbeza iaitu negara Indonesia, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan Pedagogi Terbeza, antara contoh kajian ialah kajian (Muhamad Nanang Suprayogi, Valcke dan Godwin, 2017; Muhamad Nanang Suprayogi & Valcke, 2016). Dapatan kajian Muhamad Nanang Suprayogi et al. (2017) menunjukkan tahap pengajaran dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza di sekolah bertaraf Gred A di enam wilayah Provinsi Jakarta menunjukkan tahap pengajaran dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza berada pada tahap yang tinggi, ini menunjukkan Pedagogi Terbeza semakin diterima oleh guru di negara Indonesia dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara tersebut. Keadaan ini wujud kepada sistem kepercayaan guru terhadap keperluan pengajaran yang berbeza mendorong kepada pelaksanaan Pedagogi Terbeza. Justeru itu Pedagogi Terbeza bukan sahaja dilaksanakan di negara Indonesia

tetapi juga di Hong Kong berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan di sekolah rendah dan menengah iaitu kajian Wan (2020) dan Wan dan Karadag (2017). Berdasarkan kajian Wan (2020) yang mengkaji tentang Hubungan Antara Persepsi Guru Terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) Dan Amalan Pengajaran Pedagogi Terbeza (*Differentiated Instruction*) dalam konteks pendidikan rendah di Hong Kong telah mendapati terdapat hubungan yang positif antara penglibatan PLC dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza dan tumpuan kolektif kepada pembelajaran murid juga dikaitkan secara positif dengan Pedagogi Terbeza, secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan komponen utama PLC termasuk pembelajaran murid, dialog reflektif dan kepimpinan mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap latihan Pedagogi Terbeza yang tinggi dan memerlukan latihan profesional yang tinggi dalam menyantuni kepelbagaian murid di bilik darjah.

Berdasarkan kajian-kajian yang berkaitan Pedagogi Terbeza yang telah dijalankan di negara *United States of Amerika* (USA), Indonesia dan Hong Kong, terdapat juga pelaksanaan Pedagogi Terbeza di negara Ethiopia di mana terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan berkaitan pengajaran yang menggunakan Pedagogi Terbeza iaitu kajian Ginja dan Chen (2020) dan Gonne (2020). Dapatan kajian Ginja dan Chen (2020) menunjukkan pemahaman guru kepada Pedagogi Terbeza berada pada tahap yang memberangsangkan memandangkan lebih separuh guru iaitu terdapat 62% hingga 74% guru yang mempunyai pemahaman dan mengembangkan pemahaman terhadap Pedagogi Terbeza dan telah mengikuti beberapa jenis latihan yang telah disediakan, berbanding dengan dapatan kajian Melesse (2015) yang mendapati pemahaman guru terhadap Pedagogi Terbeza berada pada tahap yang rendah dan sebilangan besar guru mempunyai tahap pemahaman kepada Pedagogi Terbeza yang sangat terhad. Walau bagaimanapun, hal ini menunjukkan Pedagogi Terbeza telah menjadi satu nadi baharu dalam dunia pendidikan. Pedagogi Terbeza mula dilaksanakan di beberapa buah negara termasuklah negara Malaysia walaupun untuk beberapa mata pelajaran sahaja dan beberapa pusat pendidikan yang menggunakan kaedah Pedagogi Terbeza, hal ini selari dengan kajian Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) yang mengkaji tentang Pelaksanaan Pedagogi Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Di Kawasan

Pedalaman Kategori 3, hasil kajian menunjukkan guru Bahasa Melayu kurang pengetahuan tentang Pedagogi Terbeza namun menunjukkan minat yang mendalam untuk mengamalkan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran mereka dan berharap pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memberi pendedahan dan latihan yang meluas tentang Pedagogi Terbeza, manakala kajian Pedagogi Terbeza juga telah dijalankan di Pusat Permata Pintar, Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Fairuz Adlidna Badrol Hissam, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Nurul Suzaina Joli dan Noriah Mohd Ishak, (2017) juga telah mendapati pelaksanaan Pedagogi Terbeza telah memberi kesan yang positif kepada motivasi pelajar pintar dan berbakat dan kesan motivasi terhadap Pedagogi Terbeza dalam kalangan pelajar pintar berbakat tidak dipengaruhi oleh faktor jantina dan umur.

Secara tuntas, pelaksanaan Pedagogi Terbeza telah diimplementasikan di dalam pendidikan sama ada di dalam negara mahu pun di luar negara dan membuktikan Pedagogi Terbeza memberi kesan yang positif serta mampu membantu guru dalam mempelbagaikan pengajaran mengikut kepelbagaian murid dan tidak melibatkan keciciran kepada murid dalam menguasai kemahiran yang diajar guru mengikut kemampuan dan keupayaan mereka. Hal ini juga menunjukkan semua murid diraikan dan diberi keadilan dalam menguasai pelajaran yang diajar guru tanpa melihat kepada murid yang cemerlang, sederhana dan lemah.

### **Falsafah dan elemen Pedagogi Terbeza**

Terdapat empat falsafah Pedagogi Terbeza, menurut Tomlinson (2014) antara falsafah dalam Pedagogi Terbeza ialah (i) kepelbagaian adalah normal dan berharga, (ii) setiap murid mempunyai keupayaan belajar yang tersembunyi dan mempunyai keupayaan untuk belajar, (iii) menjadi tanggungjawab guru untuk menjadi asas kepada kejayaan pelajar dan (iv) guru mempercayai tentang keupayaan murid untuk berjaya dan berfungsi.

Pedagogi Terbeza mempunyai empat elemen yang penting iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran, namun dalam kertas konsep ini pengkaji membincangkan tiga elemen utama iaitu kandungan, proses dan produk sahaja. Kandungan ialah perkara yang akan disampaikan oleh guru kepada murid iaitu isi pelajaran iaitu perkara yang perlu diketahui oleh murid seperti fakta,

memahami konsep dan prinsip-prinsip, mampu melakukan kemahiran yang diajar manakala proses pula merujuk kepada proses pengajaran yang merangkumi aktiviti-aktiviti sepanjang pembelajaran berlangsung supaya murid dapat memahami dan menguasai kemahiran-kemahiran yang diajar guru manakala produk ialah hasil yang kemahiran yang dikuasai oleh murid dan ditonjolkan di dalam bilik darjah. Menurut Tomlinson (2017) kandungan merujuk isi pelajaran yang diajar kepada murid, bagaimana murid mengakses maklumat yang diberikan guru dan apa yang diberikan guru berkaitan secara berterusan kepada murid, proses pula merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang dibezakan dan disesuaikan supaya murid dapat memahami, menguasai kemahiran dan mengubah suai pelbagai tahap kesukaran bergantung kepada kemampuan dan keupayaan murid, pengubah suai proses juga berlaku apabila guru memvariasikan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut bagaimana murid belajar dan produk pula ialah cara murid menunjukkan pemahaman terhadap kemahiran yang diajar guru dan hasil daripada murid mungkin berlaku dalam cara yang berbeza dan juga ia merupakan puncak bagi murid menunjukkan seberapa banyak pemahaman mereka terhadap kemahiran-kemahiran yang diajar guru.

Menurut Tomlinson (1999), guru boleh mengubah suai kandungan, proses dan produk mengikut kesediaan murid, minat dan profil pembelajaran murid, murid yang kurang daripada aspek kesediaan belajar memerlukan seseorang untuk membimbing mereka supaya dapat mengenal dan memahami pembelajaran dan maju dalam pembelajaran, guru mempunyai banyak ruang untuk memberi arahan secara langsung dan murid melaksanakan dengan bimbingan, guru mengadakan aktiviti-aktiviti yang lebih tersusun atau lebih konkrit dan memberi masa yang lebih kepada murid berkenaan manakala murid yang bersedia dalam belajar, mereka lebih memerlukan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lebih kompleks, abstrak dan bahan bacaan yang pelbagai serta proses pembelajaran yang cepat ataupun lambat tetapi melibatkan penerokaan topik pembelajaran yang lebih mendalam. (Tomlinson, 1999) juga menyatakan minat pula merujuk kepada rasa ingin tahu kepada topik pelajaran atau kemahiran tertentu yang diajar guru, contohnya seseorang murid ingin belajar pecahan kerana dia sangat meminati muzik, maka guru mengajar pecahan menggunakan muzik, manakala profil

pembelajaran pula merujuk kepada cara murid belajar, ia mungkin dibentuk dari kecerdasan, jantina, budaya ataupun gaya belajar. Melalui Pedagogi Terbeza, guru boleh menyesuaikan salah satu elemen atau lebih dalam elemen-elemen Pedagogi Terbeza iaitu kandungan, proses dan produk berdasarkan salah satu atau lebih ciri kepelbagaian murid iaitu kesediaan, minat dan profil pembelajaran pada bila-bila masa dan pada mana-mana unit pembelajaran, guru juga mengubah suai elemen-elemen tersebut dengan melihat kepada dua faktor yang utama iaitu pengubah suaian mengikut keperluan murid dan pengubahsuaian dilakukan untuk meningkatkan kefahaman dan murid dapat menggunakan kemahiran tersebut dengan lebih mendalam. Dalam kertas konsep ini, pengkaji membincangkan tentang gaya belajar murid yang menjadi inti pati yang sangat penting dalam Pedagogi Terbeza dan hubungan kepada keadilan semua murid dalam konteks pemikiran Ibn Sahnun. Secara tuntas, elemen-elemen di dalam Pedagogi Terbeza iaitu kandungan, proses dan produk sangat penting untuk difahami supaya guru dapat mengubah suai elemen-elemen tersebut mengikut kepelbagaian murid iaitu kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid. Kesimpulan dari perbincangan ini menunjukkan Pedagogi Terbeza meraikan kepelbagaian murid dalam pengajaran dan pembelajaran dan objektif pengajaran guru adalah memastikan murid menguasai pembelajaran walaupun menguasai pada tahap penguasaan yang minima dalam kemahiran yang diajar guru.

### **Falsafah pengajaran menurut Imam Ibn Sahnun**


Abu Abdullah bin Abi Sa'id Sahnun atau dikenali dengan Ibn Sahnun dilahirkan tahun 202 Hijrah di Kota Ghadat Maghribi, bapa beliau iaitu Sahnun ibn Said ibn Habib al-Tanukhi yang membesarkannya di Kota Ghadat. Nadia Selim Admin (2017) menyatakan Ibn Sahnun merupakan seorang ahli hukum yang terkenal dengan ketaqwaan, keadilan dan menyumbang dalam bidang pendidikan. Dalam kajian Siti Salwa Md. Sawari dan Azlina Mustaffa (2014) menyatakan Ibn Sahnun berguru dengan ramai ulamak

antaranya beliau pernah berguru dengan Musa bin Muawiyah al-Samadihi (225H), Abd Aziz bin Yahya al-Madani (240H) dan Abdullah bin Abi Hisan al-Yahsabi (226H). Sumbangan Ibn Sahnun dalam dunia pendidikan ialah tulisannya iaitu kitab *Adab al-Mua'llimin* yang dikenali sebagai Adab Para Guru atau Peraturan Tingkah Laku Guru yang diterbitkan pada tahun 1350H di Tunisia, mempunyai 28 muka surat dan mengandungi perkara yang berkaitan dengan dasar pendidikan anak-anak, kaedah dan cara mendidik anak-anak mengikut garis panduan al-Quran dan as-Sunnah bagi guru-guru yang mengajar dan mendidik anak-anak murid, terdapat 10 perkara yang dibincangkan dalam kitab *Adab al-Mua'llimin* iaitu (i) pembelajaran al-Quran, (ii) kewajipan berlaku adil terhadap murid, (iii) menyelesaikan isi kandungan pelajaran, (iv) zikir yang makruh dan perlu dihapuskan, (v) adab dalam memberikan hukuman, (vi) pemberian hadiah untuk guru, (vii) pemberian masa cuti kepada murid, (viii) kod etika guru dan murid, (ix) memberi gaji kepada guru dan (x) peraturan dalam memberi pinjam buku (Anisatun Nur Laili, 2020).

Dalam kertas konsep ini, pengkaji memfokuskan kepada salah satu perkara yang dibincangkan dalam kitab *Adab al-Mua'llimin* iaitu kewajipan berlaku adil kepada terhadap murid.

### **Inti pati Pedagogi Terbeza dan inti pati pengajaran Imam ibn Sahnun**

Inti pati Pedagogi Terbeza yang dibincangkan oleh pengkaji ialah gaya belajar murid di mana gaya belajar murid merupakan salah satu daripada aspek profil pembelajaran murid yang sangat penting dalam Pedagogi Terbeza. Profil pembelajaran murid merupakan penentu kepada bagaimana guru mengubah suai kandungan iaitu isi pelajaran yang diajar guru, proses iaitu proses pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang melibatkan murid di bilik darjah dan produk iaitu hasil kemahiran yang dapat dikuasai murid dan murid menunjukkan hasil kemahirannya dari sudut kebolehan mereka (Tomlinson, 2017). Rajah 1 di bawah menunjukkan profil pembelajaran murid dalam Pedagogi Terbeza.



**Rajah 1: Empat aspek dalam profil pembelajaran murid**

Rajah 1 menunjukkan empat aspek yang terdapat dalam profil pembelajaran murid yang sangat penting dalam Pedagogi Terbeza, walau bagaimanapun, pengkaji hanya membincangkan aspek yang berkaitan dengan gaya belajar murid sahaja dalam kertas konsep. Gaya belajar murid yang dibincangkan adalah gaya belajar visual, gaya belajar auditori dan gaya belajar kinestetik (Alawiyah Abdurrahman, 2007).

Di dalam kertas konsep ini juga pengkaji membincangkan tentang keadilan kepada semua murid di mana Imam Ibn Sahnun sangat memberi panduan dalam kitab *Adab al-Mua'llimin* bahawa guru perlu memberikan keadilan kepada semua murid dalam menyampaikan isi pelajaran tanpa mengira murid tersebut berlatar belakang golongan bangsawan atau pun miskin (Faysal Mohamed Al-Lal, 2019). Sehubungan dengan itu, gaya belajar murid perlu dititik beratkan oleh guru dalam merancang pengajaran harian mengikut keperluan gaya belajar dan ini memberikan murid berasa diraikan dan disantuni kerana guru bersifat adil dengan meraikan gaya belajar mereka.

#### *Gaya belajar murid*

Gaya belajar murid merupakan salah satu aspek yang terkandung dalam profil pembelajaran murid yang diambil berat dalam Pedagogi Terbeza. Gaya belajar murid merujuk kepada murid belajar dengan cara mereka sendiri, murid bersifat individu, oleh itu murid mempunyai cara memahami dan memproses maklumat dengan gaya yang tersendiri yang sudah tentunya menggambarkan mereka mempunyai kepelbagaian dalam gaya belajar, dan dengan kepelbagaian ini murid berasa bosan sekiranya guru mengajar dengan menggunakan kaedah yang sama, hal ini selari dengan kajian Sri Wahyuni, M. Basri dan

Muh. Nawir (2020) yang menyatakan gaya belajar murid adalah tidak sama, terdapat murid yang cepat pemahamannya dan ada yang lambat memahami isi pelajaran yang diajar guru tetapi mereka berada di dalam kelas yang sama, ini menunjukkan gaya belajar murid adalah bervariasi dan murid akan bosan sekiranya guru mengajar dengan menggunakan satu method sahaja. Gaya belajar juga dirujuk sebagai cara yang konsisten bagi murid dalam cara memahami dan menguasai isi pelajaran yang diajar oleh guru (Cici Mursari, 2020). Menurut Alawiyah Abdurrahman (2007) terdapat tiga gaya belajar murid iaitu (i) gaya belajar visual, (ii) gaya belajar auditori dan (iii) gaya belajar kinestetik. Gaya belajar visual ialah salah satu gaya belajar yang menggunakan penglihatan untuk memahami sesuatu perkara yang diajar, gaya belajar auditori pula melibatkan gaya belajar yang cenderung kepada pendengaran untuk memahami dan menguasai sesuatu yang diajar dan gaya belajar kinestetik pula adalah gaya belajar yang menggunakan pergerakan, tingkah laku dalam memahami dan menyelesaikan sesuatu masalah.

Ketiga-tiga gaya belajar iaitu visual, auditori dan kinestetik ini mempengaruhi pemahaman dan penguasaan kemahiran pelajaran murid, kebiasaan setiap murid akan mempunyai ketiga-tiga gaya belajar ini, namun akan terdapat satu gaya belajar yang mendominasi dalam diri murid-murid sama ada gaya belajar visual, gaya belajar auditori ataupun gaya belajar kinestetik, justeru itu gaya belajar visual menurut Bire et al. (2014) ialah murid banyak menggunakan deria penglihatan untuk memerhati, mengamati dan memfokuskan apa yang dilihat ketika pengajaran berlangsung, gaya belajar visual juga dapat mempengaruhi potensi pembelajaran murid, hal ini selari dengan

dapatan kajian Ni Made Inten Pramesti dan Ni Made Dwi Ratnadi (2020) yang menunjukkan gaya belajar visual memberi impak yang positif terhadap peningkatan pemahaman pelajar dalam mata pelajaran akauntan di Universitas Udayana, Indonesia. Pelbagai bentuk pengajaran yang boleh digunakan dalam daya belajar visual, antara bentuk pengajaran dalam gaya belajar visual ialah mengajar dengan menggunakan *flashcard* secara *flash*, menggunakan *flashcard* yang ditampal di dinding, VCD yang bergambar yang dipasang pada televisyen dan guru mengajar dengan memaparkan teks, jadual, gambar rajah dan sebagainya sama ada memaparkan di papan hitam atau di paparan komputer (Safinah Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nur Zatil Ismah Azizan dan Fatin Nazmin, 2019). Bentuk-bentuk pengajaran ini menjadikan murid yang mempunyai gaya belajar visual lebih berminat untuk memahami isi pelajaran kerana mereka lebih suka kepada imej yang dapat membantu mereka dalam membuat gambaran yang lebih mendalam untuk memahami isi pelajaran (Kaviza, 2019). Hasil dapatan kajian Pongkendek dan Ahmar (2020) menunjukkan murid di dalam kelas XI Sains 1 dan Sains 2 mempunyai gaya belajar visual iaitu seramai 33 orang daripada 59 orang murid (59%).

Selain gaya belajar visual, murid juga mempunyai gaya belajar auditori, gaya belajar auditori melibatkan deria pendengaran iaitu murid lebih memfokuskan minat kepada mendengar (Alawiyah Abdurrahman, 2007), antara contoh bentuk pengajaran auditori ialah memperdengarkan bacaan al-Quran daripada qari dan qariah yang terkenal, audio yang dipasang secara jelas di dalam bilik darjah, guru kerap memperdengarkan audio dengan bunyi yang perlahan ketika murid melakukan aktiviti-aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah (Safinah Ismail et al., 2019), mereka juga boleh belajar dalam pengajaran berbentuk lisan atau verbal, tidak suka kepada aktiviti menulis tetapi hebat dalam bercerita, sangat peka dengan alunan muzik tetapi pembelajaran mereka mudah terganggu dengan kebisingan (Moh.Sutomo, 2019). Hal ini senada dengan dapatan kajian Agung Rinlady Malik (2019) yang mengkaji tentang pengaruh gaya pembelajaran Instagram dan gaya pembelajaran auditori terhadap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Jerman dalam kalangan murid-murid, hasil kajian menunjukkan pembelajaran Instagram dan gaya pembelajaran auditori mempunyai penguasaan perbendaharaan kata bahasa Jerman yang lebih tinggi berbanding

dengan pembelajaran konvensional. Dapatan kajian ini menunjukkan gaya pembelajaran auditori juga penting dalam kalangan murid dan menyumbang kepada penguasaan pemahaman dan kemahiran yang diajar guru.

Selain daripada gaya belajar visual, auditori, terdapat juga gaya belajar kinestetik. Gaya belajar kinestetik melibatkan gaya belajar yang memerlukan pergerakan dan aktiviti fizikal, aktiviti pembelajaran berorientasikan pergerakan fizikal, peka kepada ekspresi dan bahasa tubuh badan dan kurang menyerlah dalam aktiviti yang melibatkan verbal atau lisan (Moh.Sutomo, 2019). Antara contoh pengajaran kepada murid yang mempunyai gaya belajar kinestetik iaitu memegang atau menyentuh *flashcard* atau bahan yang dijadikan alat bantu mengajar guru dan murid menggunakan gerakan fizikal dan tanggapan emosi (Safinah Ismail et al., 2019). Hal ini selari dengan kajian Ni Made Inten Pramesti dan Ni Made Dwi Ratnadi (2020) yang menyatakan murid yang mempunyai gaya belajar kinestetik mempunyai ciri-ciri yang menunjukkan mereka mempunyai gaya percakapan yang perlahan, suka menyentuh orang lain untuk mendapatkan perhatian, berdiri dekat ketika berbicara dengan orang lain, banyak melakukan pergerakan, menghafal ketika berjalan dan menggunakan jari sebagai penunjuk ketika membaca. Dapatan kajian ini juga senada dengan kajian Cici Mursari (2020) dalam kajian yang bertajuk Deskripsi Kemampuan Berpikir Kritis Matematis Dan Kemandirian Belajar Siswa Ditinjau Dari Gaya Belajar telah mendapati gaya belajar kinestetik dalam berfikir secara kritis dalam mata pelajaran Matematik telah menunjukkan murid mempunyai keterampilan dengan menggunakan fizikal dan gerakan dalam proses pembelajaran dan mereka cenderung kepada mensintesis iaitu membuat perbandingan jarak, mampu membuat penilaian iaitu mampu memberikan penjelasan tentang sesuatu masalah tetapi murid yang mempunyai gaya belajar kinestetik belum mampu menganalisis seperti membezakan jawapan kepada gambar yang diberi, menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan seperti membuat perbandingan luas dinding yang akan dicat.

Secara tuntas, daripada hasil dapatan kajian yang telah dibincangkan menunjukkan gaya belajar murid adalah berbeza dan guru memerlukan satu kaedah pendekatan pengajaran yang baharu dalam memenuhi keperluan murid yang pelbagai gaya

belajar, guru seharusnya cakna dengan kepelbagaian gaya belajar murid dan bijaksana dalam menentukan gaya pengajaran mereka dan Pedagogi Terbeza merupakan salah satu kaedah yang sangat sesuai untuk memenuhi kepelbagaian gaya belajar ini (Daniel Arif Abdul Muttalip, 2020)

#### *Keadilan kepada semua murid*

Imam Ibn Sahnun amat mementingkan tentang hak murid, iaitu guru memberikan keadilan kepada semua murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Keadilan kepada semua murid merujuk kepada guru hendaklah mengajar murid dengan sama rata tanpa melihat kepada kedudukan keluarga murid sama ada dari kalangan kaya ataupun fakir (Mohammad Syafiq Ismail, 2020). Dalam konteks pendidikan, guru yang bersahsiah adalah guru yang berlaku adil kepada anak muridnya (Siti Salwa Md. Sawari & Azlina Mustaffa, 2014). Guru harus bersifat adil kepada semua anak murid kerana mereka mempunyai potensi yang berbeza, mempunyai keunikan yang berbeza dan kecerdasan yang berbeza (Anisatun Nur Laili, 2020). Oleh itu, sifat guru berlaku adil kepada semua murid menjadi tauladan kerana perlakuan guru akan ditiru oleh muridnya. Hal ini kerana guru harus bersikap adil tanpa mengira perbezaan murid sama ada murid tersebut pandai atau bodoh, guru seharusnya bijaksana dalam menentukan perancangan pengajaran dalam mengatasi perbezaan ini supaya semua murid mendapat didikan yang sama rata (Rusnadi, M.Zainal Arif dan Rido Kurniatio, 2020). Menurut kajian Wagiman Manik (2016) pemikiran Ibn Sahnun menyatakan guru perlu memiliki berlaku adil kepada anak murid mereka seperti mana firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada kaum kerabat dan Allah melarang daripada perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran (Al-Qur'an 16:90).*

Ayat ini menunjukkan Allah memerintahkan setiap makhluknya berlaku adil kepada sesiapa sahaja dan berbuat kebajikan, oleh itu dalam konteks pendidikan, sudah tentulah peranan guru sangat penting dalam memastikan murid-murid menerima isi pelajaran yang diajar guru dalam keadaan yang sesuai dengan keperluan mereka tanpa mengira latar belakang murid, jantina, budaya dan gaya belajar mereka tetapi guru yang adil adalah

memastikan murid dapat menguasai kemahiran walaupun pada tahap yang minima (Abd. Khahar bin Saprani et al., 2018).

#### **Hubungan antara gaya belajar murid dan keadilan kepada semua murid**

Gaya belajar murid sangat penting kepada perancangan pengajaran guru kerana melalui gaya belajar murid iaitu visual, auditori dan kinestetik membantu guru untuk merancang pengajaran harian dan memfokuskan kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai, dengan ini guru dapat memberi keadilan kepada semua murid dengan meraikan kepelbagaian gaya belajar mereka. Hasil dari perancangan pengajaran guru yang bersesuaian dengan gaya belajar murid akan memberi impak yang positif kepada hasil pembelajaran murid, hal ini senada dengan dapatan kajian Moh.Sutomo (2019) yang menunjukkan gaya belajar murid merupakan penyumbang yang positif sebanyak 44.35% kepada hasil pembelajaran murid. Ini menunjukkan guru peka dengan kepelbagaian gaya belajar murid dan bersifat adil dengan keperluan murid dari aspek gaya belajar. Selain itu, pembelajaran murid juga bergantung kepada kebijaksanaan guru dalam merancang, mereka bentuk dan mengimplementasikan pengajaran harian yang sesuai dengan gaya belajar murid sama ada guru merancang mengikut gaya belajar visual, auditori dan kinestetik, hal ini selari dengan cadangan di dalam kajian Bire, Geradus dan Bire (2014) yang menyatakan guru seharusnya mengenal gaya belajar murid sama ada gaya belajar visual, auditori ataupun kinestetik bagi memudahkan guru memahami tingkah laku murid dari aspek gaya belajar murid supaya guru dapat sesuaikan dengan pengajaran. Kesimpulan dari hasil dapatan-dapatan kajian lepas menunjukkan guru seharusnya mengenali gaya belajar murid sebelum merancang, mereka bentuk dan melaksanakan pengajaran supaya pengajaran guru dapat memberi keadilan kepada semua murid untuk memahami, menguasai kemahiran-kemahiran yang diajar guru mengikut keupayaan gaya belajar mereka.

#### **Kesimpulan**

Pedagogi Terbeza merupakan salah satu wadah pengajaran yang baharu dan sesuai diaplikasikan dalam dunia pendidikan kini memandangkan kepelbagaian gaya belajar murid yang perlu diutamakan untuk memastikan kemenjadian murid mengikut gaya belajar mereka dan bukannya mengikut gaya pengajaran guru yang rigid, di



samping itu juga guru seharusnya memberi keadilan kepada semua murid untuk mendapat hak di dalam pendidikan tanpa guru cenderung untuk menilai mana murid yang cemerlang, sederhana dan lemah tetapi apa yang seharusnya guru menilai ialah guru adil dalam menyampaikan pengajaran mengikut keperluan gaya belajar murid yang pasti murid selesa dan bersedia menghadapi pelajaran. Keadilan kepada semua murid sangat penting dalam Pedagogi Terbeza kerana murid memiliki gaya belajar yang berbeza (Halida Jawan & Zamri Mahamod, 2021). Keterbezaan atau kepelbagaian jelas dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

*(Apakah kamu orang yang musyrik yang lebih beruntung) atau kah orang yang beribadah pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, kerana takutkan kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah: "apakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?" Sebenarnya orang yang berakal sihat yang dapat menerima pelajaran. (Al-Quran 39:9).*

Dengan wujudnya kepelbagaian ini, antara cadangan kaedah pengajaran alternatif ialah pengajaran menggunakan Pedagogi Terbeza berbanding dengan pedagogi pengajaran secara konvensional yang lebih bersifat mengajar murid secara *one-size-fits-all*.

## Rujukan

### Al Quran

Abd. Khahar bin Saprani, Hapsah binti Majid, Zanariah binti Ibrahim, & Lokman bin Abd Wahid. (2018). Pedagogi terbeza: Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 11*, 1–17.

Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, Zalizan Mohd Jelas, & Ahmad Ali Seman. (2010). Kepelbagaian pelajar dan sekolah: satu kajian kes di negeri Pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 35*(2), 87–95.

Agung Rinlady Malik. (2019). The influence of instagram and auditory learning style on German language mastery in students of SMAN 1 Maros. *International Conference on Cultural Studies, 279–283*.

Alawiyah Abdurrahman. (2007). *Quantum*

*Learning: Membiasakan belajar nyaman dan menyenangkan* (Edisi XXV). Penerbit Kaifa.

Anisatun Nur Laili. (2020). *Konsep Pendidikan Informal Perspektif Ibnu Sahnun (Telaah Kitab Adab Al-Muallimin)*. 2, 28–39.

Bire, A. L., Geradus, U., & Bire, J. (2014). Pengaruh gaya belajar visual, auditorial dan kinestetik terhadap prestasi belajar siswa. *Jurnal Kependidikan, 44*(2), 168–174.

Bondie, R. S., Dahnke, C., & Zusho, A. (2019). How Does Changing “One-Size-Fits-All” to differentiated instruction affect teaching? *Review of Research in Education, 43*(1), 336–362.  
<https://doi.org/10.3102/0091732X18821130>

Brevik, L. M., Gunnulfsen, A. E., & Renzulli, J. S. (2018). Student teachers’ practice and experience with differentiated instruction for students with higher learning potential. *Teaching and Teacher Education, 71*, 34–45.  
<https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.12.003>

Cici Mursari. (2020). Deskripsi kemampuan berpikir kritis Matematis dan kemandirian belajar siswa ditinjau dari gaya belajar. *AlphaMath: Journal of Mathematics Education, 5*(2), 40.  
<https://doi.org/10.30595/alphamath.v5i2.7345>

Daniel Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 10*(November), 29–42.

Fairuz Adlidna Badrol Hissam, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Nurul Suzaina Joli, & Noriah Mohd Ishak. (2017). Impak pengajaran terbeza ke atas motivasi pelajar pintar dan berbakat di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Biologi. *E-Proceeding of the 6Th Global Summit on Education 2017, 2017*(December), 174–185.

Faysal Mohamed Al-Lal. (2019). Terjemahan Adab al-Mu’allimin Ibn Sahnun. *ESTUDIOS DE ASIA Y ÁFRICA, 54*(170), 619–634.  
<https://doi.org//dx.doi.org/10.24201/ea.v54i>

3.2464 Ada?b

- Gibson, V., & Hasbrouck, J. (2009). *Differentiating instruction: Guidelines for implementation: Training manual*. Gibson Hasbrouck & Associates.
- Ginja, T. G., & Chen, X. (2020). Teacher educators' perspectives and experiences towards differentiated instruction. *International Journal of Instruction*, 13(4), 781–798. <https://doi.org/10.29333/iji.2020.13448a>
- Gonne, M. A. (2020). The practices and challenges of differentiated instruction: The case of selected government upper primary schools in Gondar City administration. *International Journal of Development in Social Sciences and Humanities*, 9(1).
- Gregory, G. H., & Chapman, C. (2013). *Differentiated instructional strategies: One size doesn't fit all* (third Edit). SAGE Publications Ltd.
- Halida Jawan, & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat Bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67–77.
- Kaviza, M. (2019). Penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan gaya pembelajaran murid tingkatan dua: Satu kajian perbandingan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(4), 1–17.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 14 tahun 2018*.
- Melesse, T. (2015). Differentiated instruction: Perceptions, practices and challenges of primary school teachers. *Science, Technology and Arts Research Journal*, 4(3), 253–265.
- Moh.Sutomo. (2019). Kajian konseptual kontribusi gaya belajar terhadap perilaku belajar. *Jurnal Auladuna*, 1(2), 112–125.
- Mohammad Syafiq Ismail. (2020). *Adab para guru* (Edisi Ketu). ABIM.
- Muhamad Nanang Suprayogi, & Valcke, M. (2016). Differentiated instruction in primary schools: Implementation and challenges in Indonesia. *PONTE International Scientific Researches Journal*, 72(6), 1–18. <https://doi.org/10.21506/j.ponte.2016.6.1>
- Muhamad Nanang Suprayogi, Valcke, M., & Godwin, R. (2017). Teachers and their implementation of differentiated instruction in the classroom. *Teaching and Teacher Education*, 67, 291–301. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.06.020>
- Nadia Selim Admin. (2017). Ibn Sahnun's ninth century framework: A guide for Arabic language curriculum writing. *Islam and Civilisational Renewal*, 8(4).
- Ni Made Inten Pramesti, & Ni Made Dwi Ratnadi. (2020). Pengaruh kecerdasan emosional, gaya belajar visual, gaya belajar auditorial dan kinestetik pada tingkatan pemahaman Akuntansi. *E-Jurnal Akuntansi*, 30(1), 130–146.
- Pongkendek, J. J., & Ahmar, D. S. (2020). Analysis of learning styles of students in class of XI Science 1 and XI Science 2 at SMAN 3 North Luwu. *Journal of Applied Science, Engineering, Technology, and Education*, 2(1), 28–31. <https://doi.org/10.35877/454ri.asci2152>
- Rusnadi, M.Zainal Arif, & Rido Kurniatio. (2020). Pemikiran Ibnu Sahnun tentang etika profesi guru dan relevansinya dengan undang-undang kode etik profesi guru. *Ta'allum: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 286–308. <https://doi.org/10.21274/taalum.2020.8.2.286-308>
- Safinah Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nur Zatil Ismah Azizan, & Fatin Nazmin. (2019). Kaedah komunikasi non-verbal dalam hafalan al-Quran di Pra Sekolah. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2(October), 1–14.
- Siti Salwa Md. Sawari, & Azlina Mustaffa. (2014). Guru bersahsiah mulia menurut pandangan Ibnu Sahnun: Analisa buku Adab Al-Mualimin. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 1–10.
- Sri Wahyuni, M.Basri, & Muh.Nawir. (2020).

- Analisis gaya belajar murid kelas IV di SDN Bette Kabupaten Barru. *Education and the Development of Reason*, 5(1), 86–90. <https://doi.org/10.4324/9780203861165>
- Tomlinson, C. A. (1999). *The differentiated classroom, responding to the needs of all learners*. <http://www.ascd.org>
- Tomlinson, C. A. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners* (2nd Editio). ASCD.
- Tomlinson, C. A. (2017). *Differentiate instruction in academically diverse classroom* (3rd editio). Alexandria,VA USA.
- Tomlinson, C. A., & B.Imbeau, M. (2014). Leading and managing a differentiated classroom. In *Alexandria, Virginia YSA*.
- Wagiman Manik. (2016). Pemikiran pendidikan Ibn sahnun. *Jurnal WARAQAT*, I(1), 1–16.
- Wan, S. W.-Y. (2020). Unpacking the relationship between teachers' perceptions of professional learning communities and differentiated instruction practice. *ECNU Review of Education*, 3(4), 694–714. <https://doi.org/10.1177/2096531120969988>
- Wan, S. W.-Y., & Karadag, R. (2017). Prospective teachers' teaching beliefs about differentiated instruction in Hong Kong and Turkey. *Search and Research: Teacher Education for Contemporary CCntexts*, July, 845–856.
- Wu, E. H. (2013). The Path Leading to Differentiation: An Interview With Carol Tomlinson. *Journal of Advanced Academics*, 24(2), 125–133. <https://doi.org/10.1177/1932202X13483472>